

Kad Kredit Visa GSC Hong Leong Bank: Kempen Lebih Daripada Kad Kredit Wayang

Tempoh Kempen

“Kempen Lebih Daripada Kad Kredit Wayang” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) bermula pada 1 Ogos 2020 dan tamat pada 31 Oktober 2020, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“T&S”):-

Kelayakan

1. Semua pelanggan Bank sedia ada dan baharu yang memegang Kad Kredit Visa Hong Leong GSC (“**Kad Layak**”) adalah layak menyertai Kempen ini (“**Pemegang Kad Layak**”).
2. Berikut tidak dikira sebagai Pemegang Kad Layak:
 - (a) Pemegang kad dimana akaun Kad Kredit HLB mereka adalah tertunggak;
 - (b) Pemegang kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad; dan
 - (c) Pemegang kad yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.

Mekanik Kempen

3. Pemegang Kad Layak yang menggunakan Kad Layak di mana-mana Rangkaian Restoran Makanan Segera yang Layak (seperti yang tertakluk di Klausula 4 di bawah), sama ada di kedai fizikal atau melalui platform hantaran dalam talian masing-masing pada Khamis, Jumaat, Sabtu atau Ahad semasa Tempoh Kempen layak menikmati pulangan tunai Enam Ringgit Malaysia (RM6) tertakluk kepada belanja minima Empat Puluh Ringgit Malaysia dalam satu transaksi (“**Pulangan Tunai**”).
4. “**Rangkaian Restoran Makanan Segera yang Layak**” bermaksud mana-mana restoran rangkaian McDonald’s, Kentucky Fried Chicken dan Pizza Hut di Malaysia. Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, sebarang transaksi yang dibuat melalui platform hantaran dalam talian pihak ketiga adalah tidak layak untuk Pulangan Tunai.
5. Jumlah Pulangan Tunai yang disediakan untuk Kempen ini adalah terhad kepada Satu Juta Ringgit Malaysia (RM1,000,000) sahaja (“**Had Pulangan Tunai**”). Bilangan Pulangan Tunai yang Pemegang Kad Layak menikmati adalah tidak terhad, iaitu atas dasar siapa cepat, dia dapat, tertakluk kepada Had Pulangan Tunai.

Pemenuhan Kempen

6. Pulangan Tunai akan dikreditkan kepada akaun Kad Layak Pemegang Kad Layak sebelum/pada tarikh pemenuhan berdasarkan tempoh berkenaan seperti yang diilustrasikan di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Ilustrasi Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai

Tempoh Berkenaan	Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai
------------------	---------------------------------

1 Ogos 2020 – 31 Ogos 2020	15 September 2020
1 September 2020 – 30 September 2020	15 Oktober 2020
1 Oktober 2020 – 31 Oktober 2020	15 November 2020

7. HLB tidak wajib memaklumkan Pemegang Kad Layak sekiranya Had Pulangan Tunai telah dicapai.

Umum

8. Dengan menyertai kempen ini, Pelanggan dengan ini:
- (a) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad yang terdapat di www.hlb.com.my (“Laman Sesawang HLB”)
 - (b) bersetuju bahawa keputusan HLB dalam semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, akhir dan mengikat kepada semua Pemegang Kad Layak;
 - (c) bersetuju bahawa sebarang pembalikan transaksi adalah tidak termasuk untuk kelayakan Pulangan Tunai;
 - (d) bersetuju bahawa Pulangan Tunai adalah tidak boleh dipindah milik kepada sebarang pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk sebarang bentuk pembayaran; dan
 - (e) bersetuju untuk melawat Laman Sesawang HLB pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S Kempen ini dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S.
9. HLB berhak untuk:
- (a) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak daripada menyertai Kempen ini untuk sebarang sebab jua HLB berpendapat musnabah. Secara khusus, HLB layak untuk membatalkan kelayakan Pemegang Kad Layak yang telah melakukan sebarang belanja di Rantaian Restoran yang Layak dalam cara atau corak yang HLB berpendapat sebagai tidak biasa, tidak teratur dan/atau menunjukkan percubaan untuk memanipulasi kelayakan menikmati Pulangan Tunai dan keputusan HLB dalam perkara ini harus muktamad atas semua Pemegang Kad Layak; dan
 - (b) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
10. HLB tidak bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau pemprosesan transaksi jualan oleh Visa atau sebarang pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada Kempen ini.
11. Akaun Pemegang Kad Layak mesti sah/aktif, dalam keadaan baik dan tidak melanggar sebarang T&S Kempen dan/atau Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad HLB pada masa penganjuran Pulangan Tunai.

12. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
13. Tambahan kepada terma yang tertakluk di atas, Pemegang Kad Layak setuju untuk membaca Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad HLB bersama dengan T&S di sini sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding, T&S muktamad di sini akan diguna pakai.
14. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan diguna pakai.